

AQIQAH

Aqiqah bermaksud menyembelih binatang sembelihan sebagai tanda kesyukuran di atas kelahiran bayi. Sunat memasak daging sembelihan tersebut sebelum disedekahkan kepada fakir dan miskin. Hukum aqiqah adalah sunat Muakkad (dituntut).



PELAKSANAAN AQIQAH

- Dilaksanakan oleh wali (bapa/datuk).
- Sunat dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi.
- Bagi bayi lelaki, 2 ekor kambing yang matang usianya (lebih kurang 2 tahun) atau 2 bahagian daripada seekor lembu.



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

TANGGUNGJAWAB
BAPA
KEPADA
ANAK
SELEPAS KELAHIRAN



Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM/BM/50,000/2017
Dengan kerjasama:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

PENDAHULUAN

Zuriat atau anak adalah suatu anugerah dan amanah kepada ibu bapa. Sebagai ibu bapa, kita diwajibkan mendidik dan mencorak kehidupan anak-anak berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Rasulullah S.A.W telah bersabda, maksudnya:

“Setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci), makan ibubapalah yang mencorakkan sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”.

(Riwayat Bukhari & Muslim)


AZAN & IQAMAH

- Apabila bayi telah selamat dilahirkan, hendaklah diazankan di telinga kanan dan diiqamahkan di telinga kiri.
- Disunatkan menghadap kiblat.
- Hendaklah azan dan iqamah dengan nada suara yang perlahan.

TAHNIK

- Menyentuh dan menggosok dengan lembut langit mulut bayi dengan kurma yang dilembutkan, madu atau sebarang manisan dengan membaca selawat dan surah-surah (an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlâs dan al-Insyirah).

- Amalan Tahnik adalah amalan sunnah dan ia bertujuan untuk merangsang deria rasa bayi bagi menghisap susu dengan sempurna.



PENGURUSAN URI

Tembuni atau uri harus diurus dengan sebaik-baiknya dengan membasuh dan menanamnya di tempat yang sesuai dan selamat. Perlu menjauhi perkara-perkara khurafat seperti menanam uri bersama paku, benda-benda tajam, pensel, buku duit syiling dan sebagainya.



BERCUKUR

Sunat mencukur keseluruhan rambut asal bayi, ditimbang beratnya dan dinilai dengan berat emas. Nilai tersebut disedekahkan kepada fakir dan miskin.

MENAMAKAN BAYI

Bapa hendaklah menamakan bayi dengan nama yang baik dan indah kerana nama merupakan satu doa yang boleh mempengaruhi akhlak dan peribadi anak.

Rasulullah S.A.W telah bersabda, maksudnya:

“Sesungguhnya kamu semua akan dipanggil pada Hari Kiamat dengan nama kamu dan nama bapa kamu. Oleh itu, perelokkanlah nama-nama kamu.”

(Riwayat Abu Daud)

BERKHITAN/BERKHATAN

Berkhitan bagi seorang lelaki dan wanita adalah dituntut untuk menjaga kebersihan diri dan kesihatan.